

BATU UBAN, TANJONG DAN BAGAN PENGKISAHAN LISAN. Oleh Ahmad Murad Merican. 2020. Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. P.p. 115. ISBN 9789674614164

Menghayati karya bertajuk “Batu Uban, Tanjong dan Bagan Pengkisahan Lisan” ini seumpama pengulas berada bersama di dalam latar budaya pencerita di dalam buku ini. Editor buku ini merupakan seorang akademia tersohor dan mempunyai kemahiran di dalam penulisan sejarah tempatan khususnya Pulau Pinang. Sebanyak 10 bab disajikan dan keseluruhan penceritaan berkisar kepada asal usul nama tempat di Pulau Pinang meliputi Batu Uban, Tanjong dan Bagan. Siri pengkisahan lisan oleh Sembilan orang nara sumber meliputi kisah pembinaan petempatan dan masyarakat di Batu Uban, Balik Pulau, Air Itam, Tanjong dan Bagan serta di Pulau Pinang secara keseluruhannya sejak awal abad ke-18. Di dalam pengkisahan disajikan, nama-nama tokoh yang tidak didendang seperti Nakhoda Nan Intan, Nakhoda Bayan, Nakhoda Kechil, Dato’ Jenaton dan Sheikh Akhil Khan Muhammad. Nama-nama tokoh tersebut tidak dicatatkan di dalam dokumen rasmi ataupun sumber bertulis yang lain. Namun jasa mereka mengasaskan petempatan, perkampungan, masjid, bagan atau pangkalan dan prasarana sosioekonomi yang lain sangat besar. Hal yang demikian perlu dan penting untuk diketengahkan kerana sejarah pembukaan Pulau Pinang yang dikatakan pada 11 Ogos 1786 oleh Kapten Ftancis Light sudah lama dipesongkan oleh para orientalis barat. Dari sudut realitinya, kewujudan awal pelbagai kelompok masyarakat Melayu dan peranan tokoh-tokoh tempatan tidak dicatat atau sengaja digelapkan. Justeru itu, masyarakat perlu didedahkan dengan sisi benar sejarah yang bersumberkan warisan budaya orang Melayu iaitu pengkisahan secara lisan.

Penceritaan Bab Satu dimulakan dengan tajuk “Nakhoda Nan Intan, Batu Uban dan Islam di Pulau Pinang Abad Ke-18”. Bab ini memerihalkan mengenai seorang tokoh yang sering dikaitkan dengan kewujudan petempatan awal orang Melayu di Pulau Pinang dan perkembangan syiar Islam iaitu Haji Muhammad Salleh atau dikenali sebagai Nakhoda Nan Intan. Nama asal tokoh tersebut ialah Raja Nan Intan Ibn Almarhum Tengku Pateh Sebatang yang dipercayai berasal dari Kampung Buadi (Bodi), Payakumbuh, Sumatera Barat. Penulis artikel ini menyatakan bahawa gelaran “Nakhoda Nan Intan” merujuk kepada makna “Nakhoda yang berharga”. Hal yang demikian merujuk kepada ketokohan dan peranan beliau sebagai mualim. Tarikh kedatangan tokoh ini masih menjadi polemik iaitu di antara tahun 1710 dan tidak lewat dari tahun 1734. Isteri pertama Haji Muhammad Salleh ialah Suri Padi dan menetap di Minangkabau. Walau bagaimanapun, ketika berada di Pulau Pinang, beliau telah berkahwin dengan dua orang isteri dan keturunannya masih wujud di Batu Uban. Peranan Nakhoda Nan Intan signifikan dengan pengasasan Masjid Jamek Batu Uban pada tahun 1734. Ini kerana peranan dan fungsi masjid tersebut penting dalam usaha mengembangkan syiar Islam di Batu Uban, Jelutong serta beberapa kawasan lain.

“Dato’ Jenaton Dari Minangkabau: Peneroka Awal Pulau Pinang” menjadi tajuk Bab Dua. Bab tersebut dimulakan dengan penceritaan memori kolektif tokoh bernama Dato’ Jenaton. Nama tokoh tersebut sinonim dan kekal dalam ingatan masyarakat Melayu di Pulau Pinang. Intipati utama yang ingin disampaikan oleh penulis bab ini ialah mengenai seorang tokoh peneroka awal Pulau Pinang iaitu Dato’ Jenaton dan salasilah keturunannya. Penulisan bab ini dilakukan dengan bersandarkan sumber dan maklumat lisan, berupa dokumen salasilah, cerita serta episod yang disampaikan oleh beberapa orang ahli keturunannya dan individu yang pernah menghasilkan

penulisan mengenai tokoh tersebut. Antara sisi menarik bab ini ialah apabila penulis memetik catatan oleh Ishak bin Ahmad yang merupakan cicit kepada Dato' Jenaton. Antaranya ialah pernyataan bahawa "seorang yang berketurunan Minangkabau yang diiringi seramai 40 orang telah meneroka dan berkebun di tanah seluas 50 ekar. Tanah tersebut dikenali dengan nama Bukit Dato' Jenaton". Dalam konteks hari ini, Bukit Dato' Jenaton juga dikenali sebagai "Minden" dan menempatkan kampus Universiti Sains Malaysia. Menurut catatan yang diperolehi, petempatan asal yang dibuka belum berkembang menjadi bandar. Setelah menetap di Tanjong, kumpulan peneroka tersebut memohon tanah di Batu Uban dari pihak kerajaan. Selepas itu, Dato' Jenaton dan pengikutnya berpindah ke Batu Uban serta membuka tanah kebun. Kawasan di Batu Uban yang hampir 75 ekar telah ditanam dengan pokok kelapa, buah-buahan dan tebu.

Walau bagaimanapun, dua tarikh penting yang dicatat sebagai detik petempatan orang-orang Melayu di Pulau Pinang ialah pada tahun 1734 dan 1749. Ketika itu, Pulau Pinang masih menjadi sebahagian daripada kesultanan dan negeri Kedah. Namun begitu, terdapat juga beberapa orang tokoh awal dalam pensejarahan Pulau Pinang selain Dato' Jenaton dan Dato' Setia sebelum kedatangan Francis Light. Mereka ialah Dato' Keramat, Nakhoda Nan Intan dan Nakhoda Bayan. Dikatakan juga bahawa Dato' Keramat adalah orang yang terawal bermastautin di Pulau Pinang iaitu pada tahun 1710. Beliau juga dikenali sebagai seorang Wali Allah yang berasal dari Aceh dan tinggal di kawasan sepanjang Sungai Pinang. Tokoh-tokoh tersebut tidak mempunyai hubungan antara satu sama lain kerana mereka hidup dan belayar ke Pulau Pinang secara berasingan. Namun begitu, mereka mempunyai satu rangkaian persaudaraan dan perdagangan dalam kalangan peneroka awal Pulau Pinang. Kewujudan Batu Uban juga berkait rapat dengan konsep "merantau dan muafakat" yang menjadi amalan dalam kalangan masyarakat Minangkabau. Batu Uban berjaya menarik golongan perantau lain dari Minangkabau dan berkembang menjadi petempatan yang maju. Petempatan tersebut dijadikan kawasan untuk berdusun dan berkebun serta dibangunkan menjadi pelabuhan yang maju sebelum kehadiran Syarikat Hindia Timur Inggeris pada tahun 1786.

Penulis bab seterusnya memerihalkan mengenai kehidupan orang Melayu di bandar utama seperti GeorgeTown atau Tanjong dan merupakan golongan hartawan yang dihormati. Bab ini bertajuk "Kehidupan Melayu di Tanjong Sebelum Zaman Kemerdekaan". Penulis bab ini memulakan penceritaan dengan memberikan gambaran tahap pendidikan orang Melayu. Menurutnya, ramai dalam kalangan orang Melayu di Tanjong berpendidikan tinggi dan dihormati dalam pentadbiran kerajaan pada masa itu. Latar belakang pendidikan orang Melayu di Tanjong juga berbeza. Terdapat sebahagiannya yang berpendidikan Inggeris dan juga agama. Golongan terpelajar ini mendapat perhatian pihak British dan menjawat jawatan tinggi dalam sektor kerajaan. Sebahagiannya bertugas sebagai guru dan kerani di pejabat kerajaan ketika itu. Terdapat juga dalam kalangan orang Melayu yang berkahwin campur sama ada dengan yang berketurunan India, Arab mahupun Aceh. Golongan tersebut dikenali sebagai Jawi Peranakan atau Jawi Pekan. Mereka juga merupakan kelompok peniaga yang berhijrah dari tanah asal ke Pulau Pinang dan hidup berasimilasi dengan budaya serta masyarakat tempatan.

Masyarakat Melayu di Tanjong juga aktif dalam pergerakan persatuan. Golongan intelektual Melayu menubuhkan *Young Muslim Union* (YMU) sebagai wadah perjuangan mereka ketika itu. Manakala Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG) yang boleh disertai oleh pelbagai

lapisan orang Melayu ditubuhkan pada tahun 1927 dan kekal sehingga kini. Walau bagaimanapun, berlaku perubahan ketika zaman pendudukan Jepun. Ini kerana aktiviti berpersatuan dihadkan oleh pihak pentadbiran Jepun di antara tahun 1942 hingga 1945, namun diteruskan selepas British kembali ke Tanah Melayu. Penglibatan di dalam bidang perekonomian telah menyebabkan kemunculan golongan hartawan Melayu sekitar tahun 1900 di Pulau Pinang. Justeru itu, menyebabkan berkembangnya perniagaan, petempatan dan juga tanah wakaf. Golongan hartawan Melayu tempatan menggunakan harta dan kekayaan mereka untuk kesejahteraan orang Melayu serta Islam. Kekayaan mereka digunakan untuk membiayai pembinaan masjid dan mewakafkan tanah bagi petempatan orang Melayu. Antaranya ialah Wakaf Haji Kassim di Kampung Makam, Wakaf Hashim Yahya di Jalan Perak, Wakaf Sheikh Yusof di Kampung Baru Air Itam dan Wakaf Kapitan Keling di Lebu Pitt. Tanah Wakaf tersebut merupakan sebahagian daripada sumbangan golongan hartawan di Tanjong. Kewujudan tanah-tanah wakaf ini penting dan sangat bernilai bagi memastikan kelangsungan survival hidup orang Melayu sehingga kini di Pulau Pinang khususnya.

“Sejarah Bagan” menjadi tajuk penceritaan Bab Empat dan mengisahkan mengenai asal usul Seberang Perai yang dikenali sebagai Bagan. Sebutan “Bagan” kekal sehingga ke hari ini kerana banyak tempat yang bermula dengan nama “Bagan” di Pulau Pinang. Antaranya ialah Bagan Belat, Bagan Tambang, Bagan Lebai Tahir, Bagan Ajam dan lain-lain lagi. Lokasi tersebut wujud dalam persekitaran Seberang Perai dan berkesinambungan dengan Kedah dari segi sejarah, budaya serta geografi. Peristiwa yang berlaku di Kedah turut mempengaruhi Seberang Perai, seperti peperangan Kedah-Siam 1821-1842. Seberang Perai dalam konteks kerajaan Lembah Bujang pada zaman Langkasuka telah lama diduduki oleh orang Melayu tempatan seperti di Kota Aur, Rantau Panjang, Guar Kepah, Penaga, Kuala Muda, Juru dan Pulau Aman. Penerangan mengenai sejarah awal pembukaan sesebuah petempatan atau kampung seperti Kampung Ujong Batu, Kampung Bagan Dalam, Makam Sheikh Akhil Muhammad, Surau Balai Pukat, Kampung Balai Pukat dan lain-lain lagi turut dimuatkan.

Penceritaan di dalam bab ini bertambah lebih menarik dengan sub topik “Dataran Pemuda Merdeka”. Bahagian ini menceritakan mengenai detik negara menghampiri kemerdekaan pada tahun 1950-an. Antara peristiwa penting yang dinyatakan ialah pengisytiharan Pemuda Merdeka di Dataran Pemuda Merdeka di Butterworth, Pulau Pinang atau dahulunya dikenali sebagai *British Recreation Club* (BRC) pada tahun 1958. Pengisytiharan tersebut dilakukan oleh Ketua Pemuda *United Malay National Organization* (UMNO) ketika itu iaitu Dato’ Haji Ahmad Badawi. Peranan dan sumbangan Sheikh Abdullah Fahim dan Dato’ Haji Ahmad Badawi dalam kemerdekaan Tanah Melayu turut diperihalkan di dalam bab ini. Walaupun kini dikenali sebagai Butterworth, namun Bagan tetap menjadi nama panggilan penduduk tempatan dan merupakan sebahagian daripada memori kolektif penduduk Pulau Pinang.

Pengkisahan lisan merupakan elemen penting dalam mendapatkan maklumat segar daripada khalayak. Antaranya ialah demografi kehidupan orang Melayu di Pulau Pinang seperti mana yang diceritakan di dalam Bab Lima dengan tajuk “Masyarakat Melayu di Air Itam dan Suasana di Tanjong (1940-1950-an)”. Air Itam pada tahun 1940-an terdiri daripada beberapa kampung dan kawasan di pinggir George Town dan Tanjong. Kawasan-kawasan yang terkenal pada masa itu ialah Kampung Baru, Kebun Thean Tek, Kampung Malay Home, Padang Tembak, Kampung Melayu, Air Putih, Bukit Bendera dan Paya Terubong. Sempadan Air Itam di sebelah timur

dipisahkan oleh Sungai Air Itam yang terkenal pada masa tersebut dengan Sungai Titi Merah. Sungai tersebut memisahkan Air Itam dengan Green Lane, Dhoby Ghaut dengan Batu Lanchang. Manakala di sebelah barat dan selatan ialah Bukit Bendera dan di sebelah utara ialah Batu Gantung. Lokasi tumpuan orang Melayu ialah di Kampung Baru, Kampung Melayu, sebahagian daripada Kebun Thean Tek, Kampung Malay Home dan Air Putih. Kebanyakan orang Melayu tinggal di rumah-rumah kayu yang lantainya tidak menjejaki bumi. Kedudukan rumah-rumah tersebut tidak teratur dan dipisahkan dengan lorong-lorong yang sempit. Manakala rumah orang-orang Cina agak tersusun. Orang-orang Melayu bekerja sebagai guru, polis, tentera, pemandu bas atau konduktor Bas Munisipal G.T.M.T. Terdapat juga sebahagiannya bekerja sebagai pegawai kesihatan bandaran yang bertanggungjawab mengenai kebersihan dan pelupusan sampah serta najis.

Sumber lisan juga memerihalkan mengenai taraf kehidupan orang Melayu yang pada masa itu terlalu daif. Kebanyakannya hidup sederhana, sementara golongan pemuda-pemudi hidup sebagai 'budak bandar'. Keadaan hidup ini adalah berikutan daripada pendidikan rendah dan menengah yang diajar dalam bahasa Inggeris. Penyalahgunaan dadah ketika itu hanya melibatkan ganja atau candu yang digemari oleh sebahagian penduduk berketurunan Cina. Tiada terdapat ancaman besar berkenaan kesihatan terhadap orang Melayu. Lokasi Air Itam agak berdekatan dengan padang lumba kuda dan menyebabkan ramai orang Melayu bekerja sebagai penjaga kuda yang mahir. Kebanyakan mereka berketurunan *Baween*. Manakala pengangkutan awam dari Tanjong ke Air Itam ialah dengan menggunakan bas troli G.T.M.T berkuasa elektrik dan bas Lim Seng Seng yang berwarna hijau. Di samping itu terdapat juga perkhidmatan lanca tarik dan lanca kayuh. Lori berenjin dan kereta lembu digunakan juga untuk tujuan pengangkutan barang. Boleh dikatakan hampir keseluruhan penduduk menggunakan pengangkutan awam. Hal yang demikian berlaku kerana faktor ketidakmampuan memiliki kenderaan sendiri. Keluarga Aidid, Merican dan Babji merupakan antara yang terkenal di Air Itam. Apa yang nyata ialah, walaupun Air Itam tidak mampu menongkah arus pemodenan, namun keaslian sosiobudayanya masih dirasai sehingga kini. Senario tersebut menjadi keunikan di Pulau Pinang yang sememangnya terkenal sebagai negeri bersejarah khususnya buat orang Melayu.

Sejarah dan asal usul Balik Pulau turut disampaikan dalam bab keenam dengan tajuk "Asal Usul dan Sejarah Awal Balik Pulau". Menurut penulis bab ini, nama "Balik Pulau" membawa maksud di sebalik pulau atau di belakang Pulau Pinang yang dipisahkan oleh banjaran bukit-bukau yang berhutan rimba merentang di bahagian tengah Pulau Pinang. Mukim ini mendapat namanya melalui orang-orang Melayu yang menjadi peneroka awal lokasi tersebut. Walau bagaimanapun, tarikh sebenar Balik Pulau dibuka sukar untuk ditentukan dengan tepat. Ini kerana terdapat pelbagai teori mengenai asal mula pembukaan lokasi tersebut. Terdapat sumber lisan yang menyatakan bahawa mereka yang meneroka Balik Pulau terdiri dalam kalangan orang Melayu dari Kedah, Aceh, Perlis dan Siam. Manakala terdapat juga sumber yang menyebut bahawa Balik Pulau dibuka oleh seorang tokoh terkenal dari Sumatera yang dikenali sebagai Tok Terang atau Narang. Hal yang demikian berlaku disebabkan hubungan perdagangan antara orang Sumatera dengan Pulau Pinang dan Kedah telah wujud sejak sekian lama sebelum kedatangan Inggeris. Tumpuan utama orang Aceh ialah di lokasi seperti George Town kerana strategik untuk menjalankan aktiviti perniagaan dengan pihak Inggeris. Terdapat juga sumber yang merujuk kepada Tok Che Mat dari Kedah yang merupakan "pelarian" perang Kedah-Siam.

Namun bukti tetap menunjukkan bahawa orang Melayu merupakan peneroka awal. Menurut Kapten Macalister, sebelum ketibaan Francis Light, pulau tersebut sudah didiami oleh orang Melayu. Bukti tersebut menjadi kukuh berikutan penemuan kesan tanah perkuburan orang Melayu yang terdapat di kedua-dua bahagian Jalan Perak di selatan Sungai Pinang dan dalam kawasan Green Lane dengan Jalan Perak. Selain itu, terdapat juga bukti petempatan di Teluk Jelutong atau Jelutong dan Sungai Keluang di sebelah selatan Pulau Pinang. Orang-orang Melayu berperanan penting dalam membuka dan mewujudkan petempatan tradisional. Manakala orang-orang Cina pula membangunkan pekan Kongsi yang menjadi nadi utama Balik Pulau sebagai pusat perniagaan dan pentadbiran kerajaan. Bilangan populasi meningkat dengan drastik di Pulau Pinang. Ini dibuktikan dengan peningkatan bilangan orang Cina sebanyak 87,920 orang pada tahun 1891 berbanding 67,820 orang pada tahun 1881. Manakala jumlah orang Melayu ialah sebanyak 106,756 orang pada tahun 1891 berbanding 91,977 orang pada tahun 1881. Hal yang demikian signifikan dengan jumlah orang Melayu di Balik Pulau pada tahun 1911 seramai 15,534 orang, diikuti orang Cina seramai 8,600 orang dan orang India seramai 1,049 orang dan kaum-kaum lain seramai 93 orang. Jumlah keseluruhan penduduk Pulau Pinang pada tahun 1921 ialah seramai 304,335 orang. Manakala di Balik Pulau ialah seramai 26,122 orang.

Orang Melayu di Balik Pulau membentuk kampung-kampung kecil mengikut asal-usul keturunan dan melantik Penghulu serta Ketua Kampung. Penghulu dan pemimpin agama mendirikan masjid sebagai tanda pembukaan sesebuah petempatan. Sistem Penghulu bermula pada tahun 1822 dengan pelantikan Hashim sebagai Penghulu di Pondok Upeh. Penghulu Hashim kemudiannya bertanggungjawab dalam menguruskan pembinaan masjid kayu yang pertama di situ secara bergotong-royong dengan cara mengutip derma. Kewujudan institusi penghulu seiring dengan pembukaan sesebuah kampung dan mukim di Balik Pulau. Pelantikan penghulu sebelum campur tangan British dilaksanakan mengikut sistem warisan. Antara kriteria yang diguna pakai ialah faktor keperibadian sebagai pemimpin yang sesuai dengan hukum syarak, berkredibiliti tinggi dan agak berada dari segi material. Dengan kata lain, pembukaan Balik Pulau memberikan manfaat secara langsung kepada penduduk luar, kerajaan kolonial dan golongan peniaga.

Pulau Pinang juga mempunyai hubungan dengan negara-negara lain di Kepulauan Melayu. Antaranya ialah dengan Kesultanan Brunei. Kupasan tersebut dibuat di dalam Bab Tujuh dengan tajuk "Asal Usul Masyarakat Brunei di Pulau Pinang". Kedatangan masyarakat Brunei ke Pulau Pinang dapat dibahagikan kepada dua fasa. Orang Brunei turut serta membantu Sultan Kedah menentang Francis Light pada tahun 1791. Fasa pertama penghijrahan orang Melayu Brunei berlaku pada tahun 1820-an yang diketuai oleh Pengiran Shahabuddin. Manakala fasa kedua penghijrahan berlaku sekitar tahun 1850-an yang dipimpin oleh Pengiran Haji Salleh. Pengiran Shahabuddin merupakan putera raja yang membawa diri ke Pulau Pinang bersama-sama dengan dua orang putera, tujuh adik perempuan dan beberapa orang puteri berikutan pertelingkahan keluarga. Sebelum sampai ke Pulau Pinang, mereka telah singgah di Pulau Jawa. Pengiran Shahabuddin menetap di Macallum Street apabila tiba di Pulau Pinang. Selepas itu beliau berhijrah ke Bayan Lepas, manakala keturunan beliau yang lain menetap di Kampung Dodol, Kampung Makam dan Sungai Pinang. Kini, susun galur keturunan beliau wujud sehingga ke seluruh Pulau Pinang dan Seberang Perai, Kedah serta Selangor. Manakala keturunan Pengiran Haji Salleh banyak tertumpu di Bayan Lepas. Pada pandangan saya, bab ini penting kerana dapat memberikan gambaran awal mengenai kewujudan masyarakat Brunei khususnya daripada keturunan Pengiran

Shahabuddin dan Pengiran Haji Salleh di Pulau Pinang. Ini juga membuktikan mengenai kehebatan Pulau Pinang yang menjadi daya tarikan negara-negara serantau. Pendedahan fakta tersebut dapat membuka ruang kepada pengkaji sejarah lain untuk mendalami kajian-kajian selanjutnya.

Bab 8 pula membicarakan mengenai “Masyarakat Arab di Pulau Pinang: Antara Arabisasi Dengan Islamisasi” oleh seorang sarjana yang mempunyai Darah Keturunan Arab (DKA). Definisi Arab itu sendiri kompleks dan tidak mungkin merupakan suatu entiti yang jelas dan tersendiri. Masyarakat Arab di Pulau Pinang menghadapi dilema dan masalah dalam mengidentifikasi kelompok mereka. Faktor ini berlaku kerana mereka merupakan kelompok minoriti dan menghadapi cabaran dalam kalangan masyarakat tempatan di Pulau Pinang. Dari segi sejarahnya, masyarakat Arab di Pulau Pinang sudah wujud dan mempunyai sejarah perhubungan yang lama sebelum ketibaan Francis Light lagi. Namun begitu, kelompok orang Arab di Pulau Pinang adalah bersifat heterogen. Mereka berasal dari pelbagai tempat di Timur Tengah tetapi yang paling ramai ialah dari Hadramaut. Masyarakat Arab berasimilasi dengan orang Muslim tempatan melalui perkahwinan. Namun kecenderungan perkahwinan dalam kalangan mereka itu adalah tinggi. Setiap keluarga Arab juga harus mempunyai marganya seperti *Boftein*, *al-Khayyat*, *al-Attas*, *al-Hady*, *Aidid*, *Bajunid*, *Jamalullail*, *Binhareez*, *al-Habshi*, *Bawazir*, *Binsahil*, *al-Mahdar*, *Zubaidee*, *al-Junid*, *Rafiee*, *As-Shibly*, *al-Mashoor*, *al-Haddad*, *al-Idrus*, *al-Saggaf*, *Masri*, *Baghdadi*, *al-Yahaya* dan *Mufazzal*. Namun, golongan terbesar dalam kalangan marga tersebut adalah dari Hadramaut.

Walaupun berlaku migrasi, namun hubungan masyarakat Arab Pulau Pinang dengan tanah asal kelahiran mereka di Hadramaut tetap utuh. Ini dapat dibuktikan apabila terdapat anak-anak orang Arab tempatan yang dihantar bagi menziarahi kaum keluarga dan saudara-mara mereka di Hadramaut. Terdapat sebahagiannya pula yang masih mendapat pendidikan dan pendedahan budaya Arab di sana. Penulis bab ini juga menyatakan bahawa proses Arabisasi turut berlaku di Pulau Pinang sama ada dalam bentuk budaya pemakaian seperti jubah, makan secara dalam talam, panggilan seperti “Umi”, “Akhi” dan lain-lain lagi. Walaupun masyarakat Arab di Pulau Pinang berjaya mempertahankan identiti dan budaya, namun peranan serta kesucian Islam tetap dipupuk dan dipertahankan. Bagi orang Arab di Pulau Pinang, budaya Arab itu jasadnya dan Islam itu “roh” nya.

Pada pandangan saya, Bab 9 dengan tajuk “Pencerekaan Melayu Tanjung Dalam Novel Ahmad Rashid Talu” mempunyai keunikan yang tersendiri. Ini kerana pencerekaan dalam bentuk lakaran fiksyen berdasarkan pemerhatian empiris dan peristiwa benar digunakan bagi menyelami naratif kehidupan masyarakat Melayu di Pulau Pinang. Justeru itu, bab ini mengulas mengenai kupasan yang dibuat oleh Ahmad Rashid Talu seorang novelis tersohor terhadap karya *Iakah Salmah?* dan *Kawan Benar* yang diterbitkan pada tahun 1927. Penceritaan di dalam novel ini berlatarbelakangkan Pulau Pinang yang digambarkan sebagai kota metropolitan dan dihuni pelbagai bangsa serta budaya. Intipati utama yang cuba ditonjolkan di dalam bab ini ialah mengenai persoalan modenisasi dan perubahan cara pemikiran golongan muda yang progresif pada awal abad ke-20. Turut dibincangkan ialah mengenai emansipasi wanita dalam ruang umum, isu-isu pembangunan pendidikan dan ekonomi orang Melayu. Keunikan dan kekuatan bab ini ialah apabila Ahmad Rashid Talu berjaya mengetengahkan isu serta kemelut kehidupan masyarakat

Melayu dengan berlatarbelakangkan Pulau Pinang. Percampuran pelbagai bangsa dan sosibudaya berjaya membentuk keunikan budaya masyarakat Melayu Tanjong. Pengalaman tersebut amat bermakna dalam membina pancangan nilai dan norma masyarakat. Justeru, keperibadian individu, mahupun norma dalam komuniti dan sistem sosial boleh digarap.

Bab terakhir yang bertajuk “Salasilah dalam melestarikan Keturunan Keluarga” memberikan gambaran menarik mengenai kepentingan salasilah sebagai khazanah dan warisan keluarga. Penulis artikel ini iaitu Ahmad Murad Merican telah membuat kajian salasilah beberapa keluarga Melayu dan Jawi Pekan sejak hampir 20 tahun lalu. Beliau membuat penegasan bahawa salasilah yang ada penting untuk mengetahui masa lalu, cerita asal usul, tokoh dan teladan yang diperoleh. Ini bertambah penting dalam konteks sejarah setempat di Pulau Pinang atau negara. Salasilah merupakan satu naratif penting yang dapat menyumbang kepada sejarah dan pensejarahan yang lebih besar.

Paparan buku yang diulas iaitu “Batu Uban, Tanjong dan Bagan Pengkisahan Lisan” hanya merupakan secebis kisah yang memaparkan dan “memasarkan” sejarah orang Melayu Pulau Pinang. Kisah benar ini terpendam berikutan manipulasi dan sikap mengagung-agungkan penulisan para orientalis barat. Kisah terpendam ini yang bersumberkan kepada kaedah lisan seharusnya diangkat dan diketengahkan kepada khalayak tempatan serta antarabangsa. Sejarah seharusnya berperanan sebagai advokasi awam. Dalam menelusuri episod penting buku ini, banyak peristiwa yang berjaya dirungkai oleh penulis. Editor buku ini yang merupakan seorang sarjana tersohor menggunakan pengalaman dalam menganalisis dokumen dan sumber lisan sebelum diterjemahkan ke dalam bentuk penulisan. Penulisan bab dalam buku ini menggunakan gaya bahasa tekal, mudah dan santai dalam menggarap penceritaan. Ini merupakan sebahagian daripada kekuatan naskah ini dalam memberikan pemahaman kepada khalayak. Buku ini juga bertambah menarik apabila disajikan dengan ilustrasi tambahan seperti potret yang menjadi rencah tambahan dalam menghayati naskah berharga ini. Gabungan pelbagai kepakaran penulis setiap bab dengan mengadaptasi sumber lisan yang berwibawa menjadikan penulisan tersebut menjadi lebih berautoriti. Secara keseluruhannya matlamat asal penulis naskah ini untuk menggarap mengenai sejarah awal Pulau Pinang daripada sumber peribumi amat menarik dan signifikan.

Mohamed Ali Haniffa (PhD)

Unit Sejarah dan Kenegaraan Malaysia, Jabatan Tamadun dan Falsafah,
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,
Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.